

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK WIRA KOH NAI KWONG**

**TARIKH : 23 DISEMBER 2021 [KHAMIS]**

**SOALAN**

**DATUK WIRA KOH NAI KWONG** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan sistem pampasan bagi pengangkutan awam seperti yang dilaksanakan di United Kingdom dan Jepun bagi pengangkutan awam yang tidak menepati jadual sebagai langkah memastikan kecekapan perkhidmatan dan pendorong kepada pengurusan LRT dan MRT untuk menaik taraf perkhidmatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pengangkutan menyambut baik saranan tersebut dan akan mengkaji sistem pampasan yang bersesuaian sebagai salah satu langkah penambahbaikan kecekapan pengangkutan awam khususnya bagi perkhidmatan LRT dan MRT di negara ini. Selain daripada itu, pihak operator LRT dan MRT iaitu Rapid Rail Sdn Bhd telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menambahbaik kecekapan perkhidmatan meliputi aspek teknikal, operasi, penyelenggaraan, pengurusan keselamatan, prosedur kerja dan dokumentasi serta latihan. Langkah-langkah tersebut akan memastikan kecekapan perkhidmatan rel, sekaligus meningkatkan kebolehpercayaan dan keselamatan perkhidmatan tersebut.

Kementerian ini akan terus bekerjasama dengan semua penyedia perkhidmatan pengangkutan awam bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta keselamatan para pengguna bagi memastikan rakyat terus yakin dengan sistem pengangkutan awam negara.